

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**  
**YBHG DATUK WIRA DR. NOOR ZARI BIN HAMAT**  
**KETUA SETIAUSAHA MOTAC**  
**SEMINAR KEBANGSAAN ALAM DAN TAMADUN MELAYU:**  
**“MEMPERKASA WARISAN, SEJARAH, ADAT & JATI DIRI BANGSA**  
**MELAYU”**  
**9HB NOVEMBER 2021**

---

Terima kasih Saudara/i Pengacara majlis  
Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan Salam sejahtera

**Yang Berhormat Dato Sri Hajah Nancy Shukri**  
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

**Yang Berbahagia Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Muzium Malaysia

**Yang Berbahagia Prof. Dato' Ts. Dr. Ekhwan Toriman**  
Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan**  
Pengarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM

**Yang Berbahagia Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin**  
Pengarah Pengasas, Institut Kajian Etnik UKM, juga selaku penyampai  
ucaptama pada hari ini.

Yang saya alu-alukan para sarjana yang terdiri daripada tokoh-tokoh ilmuwan yang arif tentang Alam dan Tamadun Melayu

Seterusnya, Tuan-tuan dan Puan-puan yang mengikuti siaran langsung secara maya program Seminar Alam dan Tamadun Melayu pada hari ini.

1. Pertama sekali, saya ingin mengalukan kehadiran para sarjana yang akan membentangkan kertas kerja pada **Seminar Kebangsaan Alam dan Tamadun Melayu** dengan tema **“Memperkasa Warisan, Sejarah, Adat & Jati Diri Bangsa Melayu”** secara atas talian pada hari ini. Saya difahamkan bahawa seminar kebangsaan ini merupakan program julung kali diadakan yang melibatkan jalinan kerjasama di antara Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM.
2. Saya dimaklumkan bahawa menerusi seminar ini, pihak penganjur akan menampilkan 15 orang pakar dan tokoh akademik terkemuka di Malaysia untuk merungkai kembali Alam dan Tamadun Melayu khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan warisan, sejarah, adat dan jati diri bangsa Melayu.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

3. Apabila kita menyentuh tentang Alam dan Tamadun Melayu ianya pasti akan memberikan suatu gambaran tentang bagaimana wajah geografi dan budaya Alam Melayu yang sebenarnya. Kita juga mendapati sebagaimana yang tercatat dalam kajian-kajian para

sarjana menunjukkan bahawa konsep Alam dan Tamadun Melayu meliputi satu kawasan budaya yang agak luas sifatnya.

4. Terdapat pelbagai nama yang sering berkumandang dalam dunia intelektual tentang konsep ‘Alam Melayu’ umpamanya istilah Melayu-Polinesia, Alam Melayu atau Dunia Melayu yang ditafsirkan sebagai kawasan budaya yang kaya dan luas melingkungi rantau geografi yang meliputi Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei, Singapura, Selatan Thai dan berkembang ke Kepulauan Pasifik di bahagian timur dan mencecah Malagasi di barat sehingga Taiwan (*Farmosa*) di bahagian utara. Penghuni di kawasan Dunia Melayu juga merupakan salah satu daripada lima rumpun bangsa dan bahasa yang terbesar di dunia.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

5. Pada hari ini, apabila kita memperkatakan tentang ‘Dunia Melayu’ ada kalanya kita melihat ianya seperti sebuah lanskap yang dibaluti enigma sejarah. Dari segi geo-politiknya kita boleh mungkin boleh melihat ‘Dunia Melayu’ merangkumi wilayah yang kita sebut sebagai Nusantara. Manakala dari segi kebudayaannya pula ianya merangkumi aneka budaya daerah dan kesukuan yang mana telah mengalami perkembangan yang agak terasing dan tersendiri semenjak runtuhnya Empayar Melayu dan wilayah ini kemudiannya dipecah belahkan oleh penaklukan kuasa kolonial barat.
6. Pada hakikatnya, sebelum munculnya kuasa kolonial Barat, ‘Dunia Melayu’ mempunyai sebuah tamadun yang hebat dan sejarah yang gemilang. Di sinilah tumbuhnya pusat-pusat peradaban, pengajian

dan perdagangan terpenting yang kemudiannya melahirkan para tokoh ilmuwan, ahli pelayaran, ahli agama, ahli falsafah sasterawan dan para pahlawan yang terbilang. Namun natijah dari kedatangan kuasa Barat, segala kehebatan dan kegemilangan sejarah di Alam Melayu perlahan-lahan dipadamkan. Lantas, kemudiannya golongan kolonialis ini membentuk satu ‘*world view*’ baru mengikut acuan epistemologi dan interpretasi mereka dengan alasan ‘*white man burden*’ sehingga ‘Dunia Melayu’ dilihat tertinggal jauh di belakang sebagai ‘*native land*’ dan ditenggelami sikap *bias* dan *prejudis* mereka.

7. Sebenarnya kesedaran terhadap penyelidikan kebudayaan dan tamadun Melayu telah lama wujud. Penemuan dan penggembangan penilaian sarjana lokal dengan sarjana sejagat kian memperlihatkan hasil yang membanggakan. Penghasilan penyelidikan ini pasti dapat didengari menerusi pembentangan kertas kerja Seminar Alam dan Tamadun Melayu selama dua hari ini. Selain dari kita mengimbas semula kegemilangan tamadun dan sejarah lampau, saya mengharapkan seminar seperti ini juga mampu menggamit ingatan kita untuk menyelak kembali pengajaran dari halaman sejarah yang pernah menimpa Alam Melayu terutama ketika munculnya kuasa kolonial barat sebagaimana pernah diungkapkan oleh penyair dan ahli falsafah Sepanyol iaitu George Santayana dalam bukunya ‘*Reason in Common Sense*’ telah menyatakan bahawa: “mereka yang tidak mempelajari daripada sejarah akan didera dengan mengulangi kesalahan dahulu”.

8. Saya percaya dengan pelbagai tema yang dihidangkan dalam seminar ini, kita mampu melihat Alam dan Tamadun Melayu dari segala bidang ilmu. Umpamanya daripada bidang falsafah dan pemikiran, kesenian, bahasa, sejarah, antropologi, sosiologi, arkeologi, teknologi, ekonomi, politik, perundangan, pendidikan sehingga kepada isu-isu global yang kian menghimpit Tamadun Melayu pada masa kini. Justeru itu saya merasakan seminar yang dianjurkan bersama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM ini akan membuka ruang wacana yang lebih luas untuk meninjau kembali aspek-aspek disiplin ilmu khususnya yang berkaitan dengan Alam dan Tamadun Melayu. Lantas ianya sekali gus bakal menjadi satu titik tolak untuk kita meneruskan legasi dan kesinambungan tentang penyelidikan tentang Alam Melayu.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

9. Saya juga berharap pelancong yang datang ke negara ini akan dapat memahami budaya dan warisan negara melalui satu pembentukan identiti yang kukuh berdasarkan warisan tamadun yang ada di negara ini. Input-input dari penyelidikan ilmiah seperti inilah sewajarnya digunakan untuk memberi nilai tambah terhadap aspek senibina, acara-acara budaya, makanan, muzik dan sebagainya.

10. Justeru itu, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Jabatan Muzium Malaysia yang telah menjalinkan kerjasama dengan Institut Alam dan Tamadun, UKM atas penganjuran Seminar Kebangsaan Alam dan Tamadun Melayu

pada kali ini. Semoga segala usaha yang dilakukan ini secara tidak langsung akan dapat memberi manfaat serta memperkasakan lagi kedudukan citra kebudayaan negara bangsa tatkala kita berhadapan dengan pelbagai cabaran masa kini.

11. Dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan kalimah “*Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*” dan ‘Selamat Berseminar’.

Sekian. Terima kasih.